

Harga O&G Yang Lebih Rendah, Royalti 20 Peratus Akan Jejaskan Petronas, Kata PM
Bernama
2 April, 2013

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Harga minyak dan gas serta royalti 20 peratus untuk negeri-negeri yang mengeluarkan minyak, akan memberi kesan kepada Petronas dan pembangunan negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak di sini Selasa.

Beliau berkata sektor minyak dan gas memerlukan perbelanjaan modal yang besar, dan jika pihak pembangkang Pakatan Rakyat menaikkan royalti kepada 20 peratus, ia akan menjejaskan kemampuan Petronas untuk melabur dan membuat pelaburan semula.

"Bukan hanya Perbendaharaan akan terjejas, tetapi kemampuan Petronas untuk melabur dan membuat pelaburan semula, dalam meneroka untuk minyak di perairan dalam untuk mencari rizab minyak baharu, sementara mengekalkan yang sedia ada, akan berada dalam keadaan bahaya. Anda patut lebih tahu tentang ini daripada saya.

"Ini adalah satu fakta yang Tan Sri Shamsul (Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Shamsul Azhar Abbas) selalu tekankan kepada saya. Tolong pastikan Petronas mempunyai sumber yang mencukupi untuk pelaburan semula," katanya kepada kakitangan Petronas pada satu pertemuan di sini hari ini.

Beliau menambah bahawa Petronas tidak akan menjadi organisasi yang berjaya seperti sekarang tanpa rizab yang kukuh dan kemampuan untuk melabur.

Najib juga berkata jika cadangan pengurangan harga petrol, diesel dan gas yang dilaungkan oleh pembangkang dilaksanakan, subsidi tahunan untuk bahan api mungkin meningkat kepada RM30 bilion daripada RM22 bilion setiap tahun sekarang.

Jika ini terjadi, sumber Petronas untuk pelaburan produktif akan sebaliknya disalurkan kepada penggunaan persendirian.

"Dan ini akan membawa kepada bencana ekonomi," tambah beliau.

Perdana Menteri berkata Petronas telah berkembang daripada satu modal perintis RM10 juta pada 1974, kepada satu sumbangan kumulatif berjumlah RM733 bilion setakat 31 Dis, 2012.

"Ini sama dengan jumlah pulangan pelaburan sebanyak 80,000 kali ganda. Saya rasa tiada pelaburan lain yang akan memberikan pulangan sebegini," tambahnya.

Najib juga menarik perhatian kepada rancangan pihak pembangkang untuk menyemak semula Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia Pengerang (RAPID).

"Sekali lagi, mereka bertindak tanpa memikirkan kepentingan Petronas. RAPID adalah satu pelaburan yang besar iaitu lebih daripada RM40 bilion. Mahu timbang semula Pengerang?"

"RAPID adalah satu projek yang saya mahu lihat dilaksanakan segera, tetapi pihak pembangkang pula mahukan sebaliknya," katanya.

Dengan sasaran Wawasan 2020 hampir tercapai, Najib menyeru kakitangan Petronas untuk

mengekalkan hala tuju dan memilih kestabilan.

"Saya telah jelaskan kenyataannya, dan masanya akan tiba tidak lama lagi untuk anda membuat pilihan. Buatlah keputusan yang bijak kerana apa yang dipertaruhkan bukan hanya siapa yang mendapat Putrajaya tetapi masa depan seluruh Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=938941>